

09/03/2000

Bola golf Thommo menang anugerah

Haryani Ngah

KESUDIAN pemain nombor satu dunia, Tiger Woods, mengujinya ketika Golf Piala Dunia, November lalu, layak dianggap pengiktirafan bermakna buat bola golf keluaran tempatan, Thommo Titanium Pro-Feel.

Dan sebagai penambah rasa bangga, bola yang dikeluarkan Professional Golf Ball Company Sdn Bhd itu terpilih pula menerima Anugerah Kecemerlangan Industri '99 anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, baru-baru ini.

"Anugerah ini sememangnya satu bentuk penghargaan bernilai bagi kami kerana beberapa tahun terpaksa diharungi untuk mengkaji dan melakukan pengubahsuaian teknologi demi memantapkan kualiti supaya bola ini mampu meninggalkan kesan mendalam," kata Pengarah Urusan DIMB Berhad, Jafar Carrim, syarikat induk kepada pengeluar bola berkenaan.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Jafar dan pereka bola berkenaan, Mohd Bijarimi Mat Piah.

Selain pengiktirafan itu, bola Thommo Titanium Pro-Feel sebelumnya mula mencuri tumpuan selepas terpilih menjadi bola rasmi untuk dua edisi Golf Piala Dunia pada 1998 di New Zealand dan tahun lalu di The Mines Resort City.

Malah, bola berkenaan turut mendapat kelulusan Royal & Ancient Golf Club of Scotland dan Persatuan Golf Amerika Syarikat yang meletakkannya setanding atau lebih baik daripada beberapa jenama bola golf terkemuka lain.

"Pengiktirafan terbaru ini juga adalah penghargaan terbaik buat komitmen petugas yang menyimpan matlamat untuk menghasilkan bola golf berkualiti tinggi keluaran Malaysia yang setanding dengan jenama utama lain," kata Jafar.

Usaha merekabentuk bola berkenaan turut dibantu juara lima kali Terbuka British, Peter Thompson, daripada pengeluaran jenis pertama, Soft-Feel, sehinggalah kepada Titanium Pro-Feel. Jenis lain yang sudah dikeluarkan termasuk DS 100 Titanium Distance dan Titanium Extra Spin.

Jafar juga percaya pengiktirafan terbaru itu akan tambah melonjakkan daya tarikan bola berkenaan di seluruh dunia.

"Dengan pengiktirafan meluas di seluruh dunia, bola jenama Thommo ini juga dieksport ke Eropah, Jepun, Taiwan, Amerika, Kanada, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan.

(END)